

DATUK, ADA SEORANG DI PULAU MEMPUNYAI ISTERI 5 ORANG. APAKAH HUKUMNYA?

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين، وبه نستعين، ونصلي ونسلم على أشرف الأنبياء
والمرسلين، وعليه وأصحابه أجمعين.

Alhamdulillah, elok rasanya kita merenung ayat suci ini dalam surah An-Nisa' (النساء) ayat ke 3. Allah S.W.Ta'ala berfirman:

فَانكِحُوا مَا طَابَ لَكُمْ مِنَ النِّسَاءِ مَثْنَى وَثُلَاثَ وَرُبَاعَ فَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تَعْدِلُوا فَوَاحِدَةً أَوْ
مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ ذَلِكَ أَدْنَىٰ أَلَّا تَعُولُوا

Yang bererti:

maka kahwinlah/nikahlah oleh kamu wanita-wanita yang baik-baik untuk diri kamu dua atau tiga atau empat, maka jika kamu takut tidak dapat untuk berlaku adil, maka kahwinlah/nikahlah seorang wanita sahaja, atau pakailah hamba jariah (جارية) yang kamu miliki. Yang demikian lebih hampir bahawa kamu tidak melakukan penganiayaan.

Firman Allah S.W.Ta'ala ini mengingatkan umat Islam batas-batas yang wajib dipatuhi tentang perkahwinan keadilan dan bilangan isteri yang boleh kita nikahi.

Hanya orang yang mampu lagi berupaya/boleh berlaku adil sajalah yang dibenarkan beristeri lebih daripada satu dan bilangan yang dibenarkan syarak bagi suami itu berpoligami hanyalah seramai 4 orang sahaja.

Dimafhumkan daripada ayat ini, adalah menjadi HARAM hukunya jika seorang lelaki itu memiliki isteri lebih daripada empat orang dalam satu masa.

Rasul S.A.Wassalam telah menerangkan perkara ini bahawa sesungguhnya tidak dibolehkan bagi seseorang itu untuk mengumpul isteri-isterinya lebih daripada empat orang.

Hal seperti ini tidak pernah berlaku pada diri sahabat-sahabat baginda, dan juga para tabi'in. Rasul S.A.Wassalam sendiri pernah 'mengingatkan' Ghailan (غيلان بن امية الثقفي) yang memeluk agama Islam dalam masa yang sama ia memiliki 10 orang isteri.

أَمْسِكْ أَرْبَعًا وَفَارِقْ سَائِرَهُنَّ

رواه الترمذي (1128) وابن ماجه (1953) والحاكم (ج 2-192-193)

Maksudnya:

Pilih dari kalangan mereka 4 orang sahaja, dan ceraikan yang lain

Selain daripada itu, penjelasan yang sama daripada Rasul S.A.Wassalam hendaklah kita jadikan panduan dan pegangan seperti:

عَنْ قَيْسِ بْنِ الْحَارِثِ، قَالَ: "أَسْلَمْتُ وَعِنْدِي ثَمَانِ نِسْوَةٍ، فَأَتَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقُلْتُ ذَلِكَ لَهُ، فَقَالَ: ((اخْتَرِ مِنْهُنَّ أَرْبَعًا))" رواه ابن ماجه (1952)، وأبو داود (2241)، ورواه البيهقي (2472)

Ertiya:

Daripada Harith Bin Qais menyatakan: Saya telah memeluk agama Islam dan saya mempunyai lapan orang isteri, lalu saya datang kepada Nabi S.A.Wassalam dan saya ceritakan hal keadaan itu. maka Nabi bersabda: Pilih dari kalangan mereka empat orang sahaja.

Dengan yang demikian, apa juga keadaannya bagi seorang suami/lelaki itu, ditegah "menghimpunkan" isteri lebih daripada 4 orang pada satu masa. Namun jika meninggal dunia seorang daripada 4 orang itu, atau telah diceraikannya (atas sebab-sebab tertentu) barulah boleh atau harus bagi suami ini menambah/mengganti isterinya menjadi 4 orang dengan nikah yang sah menurut hukum Islam, dan tidak melebihi 4 orang.

Demikianlah penjelasan kami, mudah-mudahan memberi manfaat kepada kita.

والله تبارك وتعالى أعلم

Disediakan oleh:

Pejabat Mufti Negeri Sabah,

KOTA KINABALU.

18.4.2001